

# Saya sokong Najib - Dr. M



**NEW DELHI 2 Dis.** - Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad (**gambar**) memberi satu tip politik yang ringkas dan padat bagi pengundi rakyat Malaysia.

Sambil memuji Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak kerana 'membetulkan kesilapan' dalam sistem politik, beliau berkata, Najib perlu diberi peluang untuk memimpin negara.

"Beliau semakin popular, beliau membetulkan kesilapan yang telah dilakukan oleh peng-

ganti saya.

"Saya sokong Najib, beliau adalah yang terbaik, beliau layak diberi peluang," kata Dr. Mahathir pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Negarawan yang berumur 86 tahun itu berada di sini untuk menghadiri sidang kemuncak tahunan pemimpin Hindustan Times di mana beliau menyampaikan ucapannya.

Dalam ucapannya, beliau memberi amaran terhadap pemimpin

global untuk memerhatikan perubahan besar yang sedang berlaku - kegagalan rancangan ekonomi pusat, pengaruh media sosial dan kerancakan orang ramai menyeberangi sempadan.

"Ini merupakan perubahan radikal yang berlaku dalam abad ke-21. Semua ini akan memberi kesan terhadap apa yang kita lakukan, bidang politik, ekonomi, sosial atau kewangan.

"Jika kita enggan mengakui perubahan ini, kita tidak akan mampu

menghadapi cabaran-cabaran ini," katanya.

Dalam ucapannya bertemakan 'Cabaran Perubahan Dalam Abad Ke-21', beliau berkata, demokrasi bukan satu sistem yang buruk tetapi bukan satu penyelesaian bagi semua kelemahan politik.

"Demokrasi merupakan satu bentuk terbaik sesebuah kerajaan, bukan mudah untuk mentadbir kerana rakyat tidak faham mengenai batas-batas demokrasi," katanya.